

Mengenai Khidmat Terjemah Dan Penterjemahan oleh Syarikat Majed (KTPSM)

Misi

Syarikat Majed berusaha untuk sentiasa memberi khidmat terjemah dan penterjemahan yang bertaraf tinggi dan juga untuk memberi perkhidmatan awam, khidmat pelanggan bermutu yang menjamin komunikasi serta maklum balas yang segera kepada pelanggan kami. Kesemua perkhidmatan kami ditawarkan pada bayaran yang rendah.

Syarikat kami memberikan komunikasi berkesan yang merentasi bahasa dan budaya. Selepas berkhidmat selama empat tahun, Syarikat Majed telah berjaya mengembangkan perkhidmatannya yang merangkumi: penterjemahan, transkripsi dan projek-projek multimedia dengan menggunakan pendekatan yang unik; memenuhi kesemua keperluan yang dikehendaki dalam urusan penterjemahan; membimbing orang awam dalam hal-hal komunikasi antara bangsa dan budaya.

Visi

Visi Khidmat Penterjemahan Syarikat Majed yang terunggul hanya satu sahaja; iaitu membantu orang lain memahami keinginan pelanggan kami dalam bahasa lain.

Bantuan Moden

Kami bukan sahaja memantau proses penterjemahan di mana kami memperkemarkan hasil terjemahan, kami juga menggunakan teknologi-teknologi terkini untuk memastikan usaha kami sentiasa bermutu tinggi. Dengan ini, kami berupaya mengekalkan hak individu bagi setiap pihak, sama ada pihak individu mahupun syarikat.

Hak Cipta

Penterjemah kami menghormati dan memelihara hak cipta semua pelanggan kami sama ada individu mahupun syarikat yang menggunakan laman web kami. Setiap maklumat tentang diri pelanggan akan dirahsiakan tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan daripada pelanggan kami.

Walaupun bagaimanapun, laman kami juga mengandungi link-link kepada laman lain yang mungkin mempunyai polisi yang berbeza dari polisi kami. Pelanggan kami digalakkan mengetahui dengan lebih mendalam tentang akta hak cipta perkhidmatan mereka.

Perkhidmatan Kami

Kami sentiasa berusaha untuk memantapkan keberkesanan terjemahan dan khidmat-khidmat kami yang lain. Untuk memastikan keberkesanan ini, kami di **KTPSM**, merujuk kepada sumber-sumber yang dipercayai supaya projek-projek dan hasil kerja penterjemahan bebas daripada kesilapan. Oleh kerana mantapnya proses-proses yang wujud dalam syarikat kami, kami berupaya menawarkan khidmat yang bertaraf tinggi pada harga yang berpatutan.

Khidmat Penterjemahan Syarikat Majed telah memberikan berbagai-bagai perkhidmatan dari yang mudah hingga yang rumit sama ada untuk individu, syarikat kecil ataupun syarikat yang bertaraf antarabangsa. Pengalaman kami dengan setiap pelanggan kami telah menambahkan pengetahuan dan kemahiran kami untuk membina syarikat kami yang lebih maju dan berpengalaman.

Keutamaan Kami

Keutamaan kami ialah memastikan kejayaan global perniagaan pelanggan-pelanggan kami. Untuk mencapai tujuan ini kami:

- Memberikan penterjemah yang mahir dan berpengalaman.
- menawarkan penterjemahan kepada berbagai bahasa dengan segera yang dilaksanakan oleh penterjemah bertauliah yang menggunakan alat-alat teknologi canggih serta pengurusan projek dan juga sistem penjejak projek.
- Merujuk kepada ahli-ahli dalam berbagai bidang sama ada bidang Ekonomi mahupun bidang Kesenian dan juga syarikat-syarikat yang mapan dalam hal perniagaan yang global.

1 - Terjemahan Bertulis:

Dengan menggunakan teknologi terkini, kami menjamin hasil kerja terjemahan yang dilaksanakan dengan sempurna dan tepat pada waktu. Teknologi kami merangkumi sistem pengurusan dokumen yang tercanggih dan sofwe pembantu terjemahan yang terkini.

Penterjemah- penterjemah kami menepati standard yang tinggi.

Hasil kerja terjemahan melalui proses 4-langkah.

1. Terjemahan asas.
2. Semakan terhadap terjemahan.
3. Memperkemas teks terjemahan/DTP.
4. Semakan terhadap mutu terjemahan.

Kami berupaya melakukan kesemua projek terjemahan, sama ada projek kecil atau pun projek besar. Malah kami bukan sahaja mampu menepati tarikh penghantaran tetapi juga kami boleh menghantarnya sebelum tarikh yang ditetapkan. Kami memperoleh dua faktor yang membolehkan penghantaran tugas terjemahan yang tepat lagi segera.

1. Bilangan penterjemah yang banyak.
2. Sofwe Penjejak Projek.

Kami akui betapa pentingnya projek terjemahan dilaksanakan oleh penterjemah yang profesional dan ahli dalam bidang yang dikehendaki oleh pelanggan. Oleh kerana ini, kami telah menugaskan penterjemah-penterjemah yang mahir dalam berbagai bidang. Jika pelanggan kami inginkan bidang yang tertentu, kami akan berusaha untuk mendapatkan penterjemah untuk projek itu. Berganding dengan alat-alat terjemahan yang tercanggih seperti yang disebut di atas, kami menjamin hasil kerja yang memuaskan.

Semakan Tambahan Terhadap Mutu Terjemahan

Salah satu sebab mengapa **KTPSM** berupaya memperbaiki proses terjemahannya sehingga ia mencapai hasil kerja yang optima ialah adanya semakan tambahan terhadap mutu terjemahan pada setiap hasil kerja, tanpa dikenakan bayaran yang lebih.

2- Penterjemahan Langsung:

Kami menawarkan berbagai perkhidmatan penterjemahan profesional yang diperlukan dalam sidang konvensi, persidangan, urusan guaman, mesyuarat dan pelatihan. Tujuan kami ialah memastikan kejayaan sesuatu acara sama ada ia merupakan mesyuarat kecil mahupun persidangan yang dihadiri oleh 200 orang.

Untuk menjayakan ini, kami mempunyai pengurus projek yang mapan, penterjemah-penterjemah yang fasih dan ahli dalam berbagai bidang dan bahasa, alat terjemah yang tercanggih, teknisyen yang mahir dan sistem penjejak projek. Walaupun kami mempunyai perkhidmatan penterjemahan yang maju, kos kami berpatutan dan hasil kerja kami cemerlang!

a- Penterjemahan Langsung semasa sesi bengkel.

b- Penterjemahan untuk persidangan dan berupaya untuk memberi penterjemahan sebanyak tiga bahasa pada masa yang sama dengan menggunakan alat wireless yang canggih.

3- Transkripsi:

Transkripsi adalah hasil salinan bertulis bertepatan sepenuhnya dengan ucapan atau rakaman suara atau video seperti filem dan sebagainya. Transkripsi yang padat pula merupakan ringkasan bertulis yang dibuat berdasarkan sesuatu ucapan.

4- Terjemahan Lelaman:

Kembangkan syarikat anda ke serata dunia melalui laman web! Bicarakan syarikat anda melalui bahasa lain supaya ia berkembang melitupi pasaran dunia. Dengan adanya teknologi terkini yang semakin maju, internet dan perhubungan litar laju telah berjaya mendekatkan dunia asing seumpama ianya jiran sebelah anda. **Syarikat Majed mampu memperhebatkan lelaman anda dengan**

mengadakan pilihan terjemahan ke dalam berbagai bahasa yang menghubungkan kesemua halaman dan membolehkan anda melungsuri lalaman dengan mudah. Dengan menggunakan program bahasa yang sesuai, **KTPSM** menawarkan dua pilihan:

Pertama: Menterjemahkan perkataan tanpa mengubah rupa lalaman. Melalui khidmat ini, anda dikenakan bayaran pada setiap perkataan.

Kedua: Menterjemahkan keseluruhan halaman dan merubahkan seluruh bentuk lalaman melalui DTP.

5- Pengulangan dalam Proses Kemaskini

KTPSM telah mengadakan perkhidmatan terbaru yang membuka peluang bagi anda untuk berbicara dengan penutur asli sesuatu bahasa itu yang tugasnya menyemak terjemahan yang dilakukan oleh sekumpulan khas penterjemah.

6- Menaip dan Menyalin

Lagi satu perkhidmatan terbaru ialah menaip dan menyalin teks atau pernyataan-pernyataan matematika dari buku asal, gambar atau dari format yang telah usang dan tidak boleh dibaca oleh Word file. Perkhidmatan ini juga merangkumi penghantaran buku dan juga digital dalam format yang boleh dibaca.

Perkhidmatan Lain:

Syarikat Majed bersukacita menyediakan keperluan logistik bagi apa pun acara yang diadakan di mana sahaja. Perkhidmatan ini merangkumi majlis keramaian, sambutan di lapangan terbang dan khidmat kereta yang dipandu oleh pemandu berbahasa Inggeris yang akan menghantar anda ke lokasi acara yang diinginkan semata-mata untuk memudahkan dan menjayakan acara anda.

Pelanggan Kami

Pelanggan-pelanggan Syarikat Majed dan rakan kongsinya terdiri daripada sektor korporat multi-nasional, institusi-institusi, sektor awam dan juga individu-individu yang memerlukan terjemahan sah ke atas dokumen-dokumen peribadi. Kerahsiaan adalah prioritas utama dalam syarikat kami memandangkan kami diberi kepercayaan oleh pihak-pihak atasan seperti badan-badan antarabangsa, korporat-korporat seperti European Delegation Projects di Syria (VET, ISMF...), GTZ, JICA, Azaher, Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersekutu-Syria (UN Development Programmes), Shell, Kementerian Pendidikan Tinggi, Agensi Pelaburan Syria dan banyak lagi.

Sejarah Kami

Asalnya syarikat British, Majed Co. Ltd. UK telah berkembang dan membuka jabatan terjemahan dan penterjemahan di Damascus pada tahun 2005 dan telah diberi nama:

Majed Company (Translation and Interpretation Department)

Syarikat Majed (Jabatan Terjemahan dan Penterjemahan)

Di sinilah bergabungnya penterjemah-penterjemah yang terdiri daripada penasihat guaman, jurutera, penterjemah profesional yang berpendidikan di

United Kingdom, Canada, The Netherlands, dan universiti-univeriti di USA dari berbagai bidang seperti; guaman, kedokteran, perubatan, vokasional, elektrik, mekanik dan juga kejuruteraan dalam bidang sofwe. Kebanyakan mereka adalah guru di universiti Syria

Syarikat Majed membantu pelancong-pelancong, ahli perniagaan dan pelajar-pelajar yang berminat untuk mempelajari tentang negara-negara lain.

Kami juga menyediakan penterjemah-penterjemah untuk acara darmawisata di United Kingdom bagi Perkhemahan untuk Belia di Bournemouth, United Kingdom pada tahun 2005- 2006.

Bahasa-Bahasa yang disediakan pada tahun 2009

Inggeris/ Arab/Inggeris
Perancis/ Arab/ Perancis
Perancis/ Inggeris/ Perancis
Spanyol/Inggeris/ Spanyol
Spanyol/ Arab / Spanyol
Itali/ Inggeris/ Itali
Itali/ Arab / Itali
Rusia/ Arab /Rusia
Rusia/ Inggeris /Rusia
Polski/ Inggeris /Polski
Cina/ Arab/Cina

P. S Bahasa-bahasa lain juga boleh disediakan atas permintaan

Izinkan kami menjayakan projek anda. Hubungilah kami sekarang!